Dia juga rajin membantu ibunya berniaga nasi lemak semasa hari cuti. Hal ini dapat meringankan beban ibunya.

Ibunya terharu dengan tindakan anaknya. Benarlah kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan'. Duit tabungan itu boleh digunakan sewaktu kecemasan.

Pada suatu hari, gerai ibunya dilanda ribut. Payung gerai ibunya patah. Makanan pula berselerakan. Ibunya berasa sedih kerana mengalami banyak kerugian.

Seorang murid menabung setiap kali pulang dari sekolah. Duit saku yang diberikan oleh ibunya akan disimpan dalam tabung ayamnya.

Murid tersebut telah nekad untuk memecahkan tabung simpanannya. Dia berhasrat membantu meringankan beban ibunya.

TEMA 9 Ekonomi dan Pengurusan Kewangan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur	
3.P 1.8.2	Mengulas peristiwa mengikut urutan secara jelas dan bernas menggunakan ayat yang gramatis.
Objektif	Murid sekurang-kurangnya dapat mengulas dua peristiwa mengikut urutan secara jelas dan bernas menggunakan ayat yang gramatis.

Berdasarkan gambar di bawah, ulas setiap gambar mengikut turutan secara jelas dan bernas.

Sediakan Payung Sebelum Hujan

1



2



3



4



5



Markah	1-2	3-5	6	7-9	9-10	11-12
Tahap Penguasaan	1	2	3	4	5	6

Tandatangan Guru: .....

Tarikh: .....

LIVEWORKSHEETS